

31 MAY 2002

Kayveas-Setinggalan

SETINGGAN SIFAR PADA 2005 AKAN BANTU MENAIKKAN IMEJ NEGARA

PUTRAJAYA, 31 Mei (Bernama) -- Kerajaan serius dalam menangani masalah setinggalan menjelang 2005 bagi mencapai matlamat setinggalan sifar pada tahun itu, kata Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk M. Kayveas.

"Kita amat memandang serius tentang masalah setinggalan lebih-lebih lagi kita merupakan negara maju," katanya selepas menghadiri majlis penyerahan dua buah jentera bomba di sini hari ini.

Katanya untuk menyelesaikan masalah setinggalan, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed sendiri bertindak sebagai pengerusi jawatankuasa menangani masalah setinggalan di kabinet.

Menurutnya hasil penguatkuasaan, banyak kawasan setinggalan berjaya dibersihkan, dan hanya Lembah Klang dan Selangor masih mempunyai setinggalan manakala di negeri-negeri lain masalah ini hampir berjaya diatasi.

"Saya berharap pihak berkuasa tempatan (PBT) dapat memberi maklumat kepada kementerian supaya mudah kita memberikan bantuan dalam usaha menangani masalah ini," katanya.

Menurut Kayveas pihak berkuasa tempatan tidak menghadapi banyak masalah dalam menangani setinggalan penduduk tempatan kerana mereka menyedari pentingnya meningkatkan mutu persekitaran.

"Kita pun bagi mereka tempat tinggal lain atau bantuan wang untuk mereka mencari rumah lain yang lebih selesa dan sesuai. Malah kementerian juga memberi RM20,000 untuk orang yang tidak mampu untuk membeli rumah sendiri," katanya.

Sebaliknya, kata beliau, masalah timbul di petempatan setinggalan warga asing terutama warga Indonesia kerana ia berkembang begitu cepat.

Kayveas dalam ucapan perasmianya, mengucapkan penghargaan kepada Kelab Lions Matsudo Eucally Jepun kerana menyumbangkan dua jentera bomba kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM).

Jentera itu disumbangkan dengan usahasama Kelab Lions Petaling Jaya diserahkan kepada Kayveas bagi pihak JBPM oleh Duta Besar Jepun ke Malaysia Masaki Konishi.

Ini merupakan sumbangan kali kedua oleh kedua-dua kelab. Sebelum ini sumbangan yang sama pernah dibuat pada tahun 1992.

--BERNAMA

NSM ZS ZB